

## **Terma dan Syarat Peraduan 'Teka & Menang' Takaful Malaysia**

### **Pengenalan**

1. Terma & Syarat yang dinyatakan di sini ("**Terma & Syarat**") akan diguna pakai untuk Peraduan '**Teka & Menang**' Takaful Malaysia ("**Peraduan**") yang dianjurkan oleh Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad [No. Syarikat 198401019089 (131646-K)] dan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Syarikat 201701032316 (1246486-D)] (dirujuk secara kolektif sebagai "Takaful Malaysia").

### **Tempoh Peraduan**

2. Peraduan ini akan bermula pada tarikh 17 September 2025 jam 11.00 pagi Waktu Malaysia ("**MYT**") dan berakhir pada 30 September 2025 jam 11:59 malam MYT ("**Tempoh Peraduan**"). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan dan dianggap tidak layak dipertimbangkan untuk Hadiah (seperti yang ditakrifkan di bawah).

### **Kelayakan**

3. Peraduan ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas pada 17 September 2025.
4. Ahli jawatankuasa penganjuran Peraduan dan panel juri termasuk ahli keluarga terdekat tidak layak untuk menyertai Peraduan ini.

### **Pelaksanaan Peraduan**

5. Peraduan ini akan diadakan melalui laman rasmi TikTok Takaful Malaysia.
6. Peraduan ini akan dijalankan dalam satu (1) pusingan. Penyertaan yang diterima di luar tempoh pusingan yang ditetapkan tidak akan dilayan. Tempoh pusingan adalah seperti di bawah:

17 September 2025 jam 11:00 pagi MYT hingga 30 September 2025 jam 11:59 malam MYT.

7. Peserta yang layak ("**Peserta**") mesti mematuhi langkah-langkah berikut agar penyertaan mereka layak sebagai penyertaan yang sah:

Langkah 1: *Follow* laman rasmi TikTok Takaful Malaysia;

Langkah 2: *Like* hantaran video Peraduan; dan

Langkah 3: Berikan jawapan yang tepat berserta *hashtag* **#WithLoveMalaysiaTM** dan **#TikTokTM** lalu tag satu (1) orang rakan.

8. Tiga (3) Peserta yang memberikan jawapan betul akan dipilih sebagai pemenang ("**Pemenang**"). Jika lebih daripada tiga (3) Peserta yang menjawab dengan betul, penggunaan alat rawak akan digunakan untuk memilih Pemenang.
9. Tiga (3) orang Pemenang akan dipilih sepanjang Tempoh Peraduan.
10. Pemenang akan diumumkan di laman TikTok rasmi Takaful Malaysia pada: **10 Oktober 2025; 11:00 pagi MYT.**  
**("Hantaran Pengumuman Pemenang")**
11. Peserta dibenarkan untuk menghantar lebih daripada satu (1) penyertaan untuk Peraduan tetapi hanya satu (1) penyertaan sahaja yang boleh dipilih sebagai Pemenang untuk setiap satu pusingan.

## **Hadiah**

12. Setiap Pemenang akan menerima hadiah ("**Hadiah**") berikut:  
  
Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50.00) e-Baucar Touch n' Go ("**e-Baucar**").
13. Tempoh sah e-Baucar ini adalah sehingga **15 Januari 2026** seperti yang tertera pada e-Baucar serta ia tertakluk kepada terma dan syarat yang terpakai pada e-Baucar tersebut.
14. Setiap Pemenang hendaklah bertanggungjawab terhadap penebusan/penggunaan Hadiah. Takaful Malaysia tidak akan bertanggungjawab atau dikehendaki menawarkan penggantian dan/atau pampasan Hadiah untuk mana-mana:
  - a) e-Baucar yang tidak digunakan atau tamat tempoh;
  - b) kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pemenang akibat daripada pelanggaran terhadap terma dan syarat e-Baucar;
  - c) perubahan yang dibuat terhadap Hadiah; dan
  - d) ketidakmampuan untuk menebus/menggunakan Hadiah disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka.
15. Pemenang dikehendaki untuk menghantar butiran (nama penuh dan nombor telefon) kepada Takaful Malaysia melalui "*Direct Message*" di TikTok rasmi Takaful Malaysia, yang mana berkenaan, dalam masa tiga (3) hari daripada Hantaran Pengumuman Pemenang yang berkenaan.
16. Jika ada Pemenang yang gagal menghantar butiran kepada Takaful Malaysia dalam masa tiga (3) hari daripada Hantaran Pengumuman Pemenang yang berkenaan, Takaful Malaysia berhak untuk membatalkan Pemenang tersebut dan memilih seorang pengganti daripada Peserta lain yang memberikan jawapan yang betul.

17. Hadiah hanya akan dihantarkan kepada Pemenang melalui “*Direct Message*” di TikTok rasmi Takaful Malaysia, yang mana berkenaan, dalam masa tiga (3) hari daripada Hantaran Pengumuman Pemenang yang berkenaan seperti yang dinyatakan di Klausa 10 di atas.
18. Pemenang adalah bertanggungjawab ke atas semua cukai yang dikenakan terhadap Hadiah yang akan diterima (jika berkenaan).
19. Hadiah hanya akan dihantar kepada setiap Pemenang SEKALI untuk setiap pusingan. Sekiranya Pemenang gagal menerima Hadiah atau penghantaran Hadiah, tiada bayaran balik atau penghantaran semula Hadiah akan dibuat oleh Takaful Malaysia. Hadiah tidak boleh dipindah milik atau ditebus dengan wang tunai atau mana-mana produk atau perkhidmatan lain yang ditawarkan oleh Takaful Malaysia.

### **Terma dan Syarat Am**

20. Dengan menyertai Pertandingan ini, Peserta:
  - a) bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat;
  - b) bersetuju bahawa setiap rekod transaksi yang direkodkan dalam sistem Takaful Malaysia sepanjang Tempoh Peraduan adalah berdasarkan tarikh dan masa Malaysia dan mestilah diterima sebagai tepat dan muktamad;
  - c) bersetuju bahawa keputusan yang dibuat oleh Takaful Malaysia berhubung semua perkara berkaitan dengan Peraduan ini adalah muktamad dan mengikat semua Peserta. Sebarang protes, pertanyaan, rayuan atau surat-menyurat kemudiannya tidak akan dilayan;
  - d) memberi kebenaran kepada Takaful Malaysia untuk mendedahkan butiran mereka kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga/ pembekal yang diberi kuasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada vendor, pembekal, agensi pengiklanan dan promosi yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan perhubungan semasa dan selepas Peraduan dan bagi tujuan yang berkaitan dengan Peraduan termasuk penghantaran Hadiah;
  - e) bersetuju membenarkan Takaful Malaysia menyiarkan nama, gambar yang diambil atau maklumat yang diberikan olehnya untuk tujuan pengiklanan dan publisiti semasa dan pada masa hadapan dalam sebarang bahan iklan atau publisiti yang berkaitan dengan Peraduan ini tanpa sebarang pampasan;
  - f) tidak berhak untuk menuntut dan melepaskan sebarang hak terhadap sebarang pampasan daripada Takaful Malaysia, atau pegawainya, pekerjanya, wakilnya dan/atau ejennya (termasuk tanpa sebarang limitasi, penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Peraduan ini) untuk sebarang dan semua kerugian dan kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaannya dalam Peraduan ini, sama ada liabiliti tersebut adalah hasil secara langsung atau tidak langsung daripada perubahan, pembatalan atau penangguhan Peraduan ini.

### **Notis Privasi Takaful Malaysia**

21. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk membenarkan data peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia selaras dengan [Notis Privasi Takaful Malaysia](#) yang dapat dilihat di [www.takaful-malaysia.com.my](http://www.takaful-malaysia.com.my) ("**Notis Privasi Takaful Malaysia**").
22. Tambahan lagi, dan tanpa prejudis terhadap terma-terma di dalam Notis Privasi Takaful Malaysia, tertakluk pada arahan bertulis daripada Peserta/Pemenang melalui e-mel ke [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my) untuk menghadkan pendedahan (jika ada) bagi tujuan aktiviti pemasaran, Peserta/Pemenang bersetuju data atau maklumat peribadi mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh Takaful Malaysia untuk:
- a) tujuan Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada penghantaran Hadiah; dan
  - b) aktiviti pemasaran dan promosi dilakukan dengan cara yang difikirkan sesuai oleh Takaful Malaysia dalam mana-mana media termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang disiarkan melalui surat khabar, rangkaian televisyen, stesen radio atau dalam talian dan media digital dan di Internet, tanpa persetujuan lanjut daripada Peserta. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang diberikan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual, serta respons dan gambar berkaitan. Sehubungan itu, setiap Peserta bersetuju untuk bekerjasama dan menyertai tanpa persetujuan nyata dan/atau pembayaran atau pertimbangan lanjut dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah Takaful Malaysia berhubung dengan Peraduan.

### **Pelbagai**

23. Takaful Malaysia berhak untuk:
- a) membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang tidak layak mengikut budi bicara mutlaknyanya daripada menyertai Peraduan;
  - b) menarik balik/membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Peraduan lebih awal secara keseluruhan atau sebahagian dan/atau mengubah, menambah, memadam, mengubah suai atau meminda terma dan syarat di sini, sepenuhnya atau sebahagian, mengikut budi bicara mutlaknyanya dengan cara menyiarkan di [www.takaful-malaysia.com.my](http://www.takaful-malaysia.com.my), atau dalam kaedah lain yang Takaful Malaysia anggap praktikal, dengan memberi notis awal yang munasabah kepada Peserta mengenai penambahan, pemadaman atau pindaan Terma & Syarat atau penamatan Peraduan.
24. Takaful Malaysia dan mana-mana pegawainya, pekerjaanya, wakilnya dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Takaful Malaysia untuk tujuan Peraduan) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian secara langsung atau tidak langsung, khas atau berbangkit, kerosakan atau kecederaan dalam apa jua cara yang dialami atau

disebabkan oleh Peserta (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan dan/atau penggunaan Hadiah; dan sebarang keingkaran kewajipannya di bawah Peraduan disebabkan oleh sebarang peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, sekatan keluar, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, wabak penyakit berjangkit (pandemik/epidemik) atau sebarang kejadian di luar kawalan munasabah Takaful Malaysia.

25. Terma & Syarat ini tertakluk di bawah dan ditafsirkan sesuai dengan Undang-Undang Malaysia dan Peserta/Pemenang bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
26. Ketidaksahan, kepenyalahan undang-undang atau ketakbolehkuasaan sebarang terma di bawah ini haruslah tidak menjejaskan atau merencatkan kesinambungan lain-lain Terma & Syarat Peraduan ini.